

HARI MINGGU BIASA KE-16 (C)

Kejadian 18:1-10; mazmur 14 (15):2-5. R/ v. 1; Kolose 1:24-28

Lukas 10:38-42

Tema: **PEKERJAAN BAIK KITA DAN PELAYANAN HARUS DATANG DARI SABDA ALLAH, DARI IMAN DAN DARI DOA**

1. Hari ini adalah Hari Minggu Biasa ke-16, Tahun Liturgi C. Injil hari ini memberitahu kita bahawa Yesus berada di rumah Marta dan Maria, dan Marta sibuk melayani. Dia menyiapkan makanan, tetapi Maria duduk dekat kaki Yesus dan mendengar Yesus berbicara. Dengan itu Marta memberitahu Yesus supaya meminta Maria membantunya dalam kerja-kerjanya, tetapi Yesus menegur dia dan memberitahu dia bahawa dia senantiasa sibuk dengan banyak perkara, sedangkan hanya satu perkara yang diperlukan dan Maria telah memilih bahagian yang terbaik itu dan ianya tidak akan diambil daripadanya!

Injil hari ini tidak memberitahu kita bahawa pekerjaan baik dan pelayanan itu tidak penting, tetapi injil memberitahu kita bahawa sabda Allah adalah lebih penting, sebab pekerjaan baik kita dan pelayanan harus mengalir dari sabda Allah, dari iman dan dari doa, pendeknya, dari Allah! Jika tidak, maka pelayanan kita akan menjadi pelayanan persendirian dan pekerjaan baik kita akan menjadi aktiviti kosong dan membosankan dan tiada erti!

Bahkan “Pengantar injil” hari ini memberitahu kita supaya menyahut kepada sabda Allah dengan kemurahan dan ketabahan dan kita akan berbuah! (NJBC; CSB) Dengan itu kita baca dalam “Pengantar Injil” yang mana diambil dari penjelasan akan “Perumpamaan Tentang Seorang Penabur”:

“Berbahagialah orang yang menyimpan sabda Allah dalam hati yang baik dan tulus ikhlas dan menghasilkan buah berkat ketabahnya.” (cf. Luk 8:15)

Dan begitu dalam “Perumpamaan Tentang Seorang Penabur”, kita diberitahu bahawa walaupun si setan, penganiayaan dan godaan duniawi, sabda Allah akhirnya akan menghasilkan buah dengan banyaknya, iaitu beratus kali ganda! (NJBC; CSB; IBC) Justru itu kita baca:

“Tetapi ada juga benih yang jatuh di tanah yang subur, lalu tumbuh dan menghasilkan buah beratus kali ganda.” (Lukas 8:8; NJB)

Sekali lagi, pekerjaan kita dan pelayanan harus datang dari sabda Allah, dari iman dan dari doa, iaitu, dari Allah! Sabda Allah memberi iman dan kita menyahut sabda Allah itu dalam doa dan Allah akan bertindak dalam dan melalui kita, dalam dan melalui perkerjaan baik kita dan pelayanan!

2. Bacaan pertama memberitahu kita bahawa Abraham mengalu-alukan tiga orang, iaitu, Tuhan dan dua malaikat! Abraham menyediakan makanan untuk mereka dan melayani mereka! Yang lebih penting, bacaan pertama memberitahu kita bahawa Tuhan berjanji kepada Abraham seorang anak lelaki dalam masa tuanya!

Dalam konteks bacaan Injil hari ini dimana Marta mengalu-alukan Yesus ke dalam rumahnya dan Maria mengalu-alukan Yesus di dalam hatinya, kita diberitahu dalam bacaan pertama supaya mengalu-alukan Yesus ke dalam rumah dan hati kita dan kita akan menerima kehidupan kekal! Yesus, sabda Allah, adalah roh dan kehidupan! Dia memiliki pesanan akan kehidupan kekal! (“Pengantar Injil” Minggu lalu; cfn Yoh 6:63, 68; SM). Anak merupakan lambang kehidupan kekal! Nyawa seseorang itu berterusan dalam anaknya!

3. Mazmur Antarbacaan adalah liturgi kemasukan untuk masuk ke dalam bait. Mazmur antarbacaan mempunyai lima rangkap. Rangkap pertama adalah soalan yang ditanya oleh para penyembah kepada

pegawai bait, iaitu, apakah kecekapan yang diperlukan untuk masuk ke dalam bait. Empat ayat berikutan adalah jawapan kepada soalan itu, iaitu, keperluannya.

Sekali lagi, dalam konteks Injil hari ini, mazmur antarbacaaan memberitahu kita bahawa apabila kita mengalu-alukan Yesus ke dalam rumah dan hati kita, sama seperti Marta dan Maria, kita “akan hidup di dalam kehadiran Tuhan”, dan kita akan juga mengasihi jiran kita (cf. Levi 9:18) sepertimana ia disebutkan di dalam sebelas kelakuan moral dari ayat dua hingga lima (IBC), iaitu:

(1) “Berjalan tanpa kesalahan.” (2) “Bertindak dengan keadilan.” (3) “Berbicara kebenaran dari hati sendiri.” (4) “Jangan mencabul.” (5) “Jangan melakukan kesalahan pada saudara sendiri.” (6) “Jangan mencabulkan jiran sendiri.” (7) “Mengangap penghinaan kepada yang tiada allah.” (8) “Hormati mereka yang takut akan Tuhan.” (9) “Berpegang kepada janji.” (10) “Jangan ambil keuntungan dari pinjaman.” (11) “Jangan menerima rasuah dengan yang tidak bersalah.”

4. Akhir sekali, dalam bacaan kedua, Santo Petrus memberitahu kita bahawa dia sengsara kerana pewartaan sabda Allah, iaitu, Yesus Kristus, kerana penyelamatan orang pagan! Ia adalah misteri yang tersembunyi berabad-abad, tetapi sekarang ia diumumkan kerana penyelamatan orang-orang pagan!

Hari ini kita bersyukur kepada Allah atas sabda Allah, iaitu, Yesus Kristus, dan kita mohon kepada Allah untuk membantu kita mewartakan sabda-Nya, iaitu, Yesus Kristus, ke seluruh dunia, supaya semua akan percaya dan diselamatkan!

5. Hari ini kita bersyukur kepada Allah kerana segala pekerjaan baik, pelayanan dan aktiviti dalam paroki kita! Kita percaya bahawa semua pekerjaan baik, pelayanan dan aktiviti adalah dari sabda Allah, dari iman, dari doa dan dari Allah! Ini adalah disebabkan dalam paroki kita, kita mempunyai Kumpulan Perkongsian Alkitab, Pembaharuan Karismatik Katolik, Kursus Alfa, Komuniti Neo-Catechumenal, Komuniti Eklestial Dasar, dan yang lebih penting lagi, Misa Kudus Mingguan! Semua ini dipusatkan kepada sabda Allah, dalam iman, dalam doa dan dalam Allah!

Berkat Minggu kepada kamu semua!

Amen!

Soalan dicadangkan untuk renungan individu dan perkongsian dalam keluarga, dalam kumpulan-kumpulan kecil, dan komuniti-komuniti kecil:

1. Apakah perkerjaan baik pelayanan dan aktiviti kamu datang dari sabda Allah, dari iman , dari doa dan dari Allah?

2. Adakah kamu membaca sada Allah, Alkitab, bacaan-bacaan Misa Kudus hari Minggu, dll? Adakah kamu mengikuti kumpulan Perkongsian Alkitab, Doa kelompok, Kuminiti Neo-Catechumenal, KED, dll.? Adakah kamu menghadiri Misa Kudus pada Hari Minggu?

3. Adakah kamu mewartakan sabda Allah melalui perkataan, perbuatan dan gaya kehidupan; di rumah, di Gereja, di sekolah, dalam pejabat, di tempat perkerjaan kamu, dalam internet, dll?

Fr. Nicholas Ong, Holy Trinity Catholic Church (HTCC), Tawau, Sabah, Malaysia,

Rujukan: New Jerome Biblical Commentary (NJBC); Catholic Study Bible (CSB); International Bible Commentary (IBC); New Jerusalem Bible (NJB); Sunday Missal (SM).